

SEORANG anggota Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) mencari Nora yang berkemungkinan lemas.

## Analisis kesan cap jari

Polis turut rakam keterangan 20 individu bagi merungkai misteri kehilangan Nora



**MENCARI NORA**

Raja Noraina Raja Rahim dan Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

### Seremban

Polis sudah merakam keterangan 20 individu termasuk ahli keluarga warga Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, bagi membantu siasatan kes kehilangan remaja itu.

Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman berkata, polis menjalankan siasatan secara menyeluruh

“Walaupun siasatan kami (polis) masih menjurus kepada kes orang hilang, kami tidak menolak sebarang kemungkinan dan menjalankan siasatan secara menyeluruh”

Che Zakaria

termasuk mengenai dakwaan mangsa diculik. “Walaupun siasatan kami (polis) masih menjurus kepada kes orang hilang namun kami tidak menolak sebarang kemungkinan dan menjalankan siasatan secara menyeluruh. “Setakat ini, kami sudah rakam percakapan ahli keluarga, pekerja resort, penduduk dan individu yang tampil secara sukarela beri



ANGGOTA Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) meneruskan pencarian di dalam sungai.

maklumat,” katanya pada sidang media di Balai Polis Pantai di sini, semalam.

Sementara itu, mengenai ahli keluarga yang masih bertegas anak mereka itu diculik, Che Zakaria

berkata, tiada maklumat mengatakan begitu namun pihaknya menjalankan siasatan dari setiap aspek termasuk jenayah.

“Kami faham mereka agak beremosi kerana anak

perempuan hilang dan faham keadaan mereka,” katanya.

Che Zakaria berkata, selain polis negeri ini, siasatan turut membabitkan pelbagai elemen termasuk oleh pasukan khas Bukit Aman dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dan Forensik. Katanya, polis juga sudah mengambil beberapa kesan cap jari di tingkat bahagian ruang tamu rumah penginapan yang dikatakan tempat mangsa keluar namun beliau enggan mendedahkan keputusan cap jari itu.

Ditanya kemungkinan tingkap berkenaan boleh dibuka dari luar oleh individu lain, Che Zakaria berkata, ia masih dalam siasatan dan polis tidak akan mendedahkannya kerana akan mengganggu siasatan. Beliau berkata,

pemeriksaan pihaknya mendapati resort itu tidak mempunyai pengawal keselamatan, malah kamera litar tertutup (CCTV) juga hanya diletakkan di bahagian kaunter.

Katanya, polis juga masih menjalankan siasatan mengenai rekod kemasukan mangsa dan keluarganya ke negara ini daripada Jabatan Imigresen.

“Kami masih teruskan operasi mencari dan menyelamat (SAR) di kawasan sekitar kerana kita percaya mangsa masih berada di kawasan terbabit.

“Berdasarkan usia dan fizikalnya, secara logik dia tidak akan pergi terlalu jauh,” katanya.

Beliau berkata, operasi diteruskan sehingga kini dan tidak menetapkan tempoh tertentu untuk menghentikannya.